

Siti Farahiyah Aziz
am@hmetro.com.my

14/7/2016
Kuala Lumpur (M/3/22)

Membebankan! Itu keluhan masyarakat terhadap kenaikan harga ayam pada musim perayaan ini.

Tinjauan Harian Metro di pasar sekitar ibu negara mendapati harga ayam di pasaran kini meningkat naik sehingga RM20 seekor.

Rumah Fadhilah Yusoff, 42, mengakui sanggup datang dari Ampang ke Pasar Basah Chow Kit untuk mendapatkan barangan keperluan dapur yang murah.

“Namun, selepas sampai sini, sangkaan saya meleset apabila harga ayam paling murah RM8.50 sekilogram (kg).”

“Susah kalau tiada ayam kerana menjadi pilihan utama anak berbanding ikan atau daging,” katanya, di sini, semalam.

Menurutnya, disebabkan kenaikan itu, dia perlu rancang semula perbelanjaan harian kerana daging tempatan juga mahal dan hanya mampu membeli daging import.

Berkongsi pendapat sama, Rashidi Ramli, 52, yang bekerja sendiri berkata, dia juga terpaksa membeli barang mentah walaupun harga melambung.

“Jika dibandingkan sebelum ini, harga ayam RM6.50 sekilogram, kemudian meningkat RM7 sekilogram pada bulan puasa dan sekarang ini kenaikan

sehingga RM9.

“Walaupun harga sayuran, ikan serta buah tidak meningkat mendadak dan ada lebih murah berbanding sebelum ini, tapi ayam tetap menjadi hidangan utama tetamu pada musim perayaan,” katanya.

Manakala, peniaga Kholil Kedri, 22, berkata, mereka bukan sewenang-wenangnya menaikkan harga bahan mentah tapi ia bergantung kepada pembekal.

“Pembekal beritahu kami stok ayam berkurangan kerana permintaan meningkat dan saya menampah 20 bakul tapi yang sampai hanya 18 bakul ayam.”

“Sepanjang tempoh tiga tahun berniaga, tahun ini paling teruk kerana bukan saja ayam tidak cukup, tapi harga juga meningkat,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pegawai Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Kuala Lumpur Mohd Joha Bahran berkata, pemeriksaan mendapati jumlah ayam setakat ini mencukupi, tetapi bekalan daripada pembekal berkurangan.


“Ada peniaga yang menampah 70 bakul ayam tapi hanya sampai kepada mereka 50 bakul.”

“Dari segi harga pula, peniaga menjual RM8.50 hingga RM9 sekilogram kerana harga daripada pembekal adalah RM8 hingga RM8.30 sekilogram,” katanya.



HARGA AYAM MELAMBUNG

RM20 seekor!



TINJAUAN harga ayam di sekitar pasar Kuala Lumpur.